

09 AUG 1997

SERI PADUKA HADIRI MAJLIS MAKAN MALAM

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menghadiri majlis makan malam sempena meraikan ulang tahun ke-50 Kolej Tunku Kurshiah/Maktab Perempuan Melayu di sini malam ini.

Tuanku Ja'afar kemudiannya menyampaikan anugerah Tokoh Emas kepada tujuh orang bekas murid kolej itu yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang-bidang seperti sains dan teknologi, perubatan, kemasyarakatan, pentadbiran dan perundangan, perniagaan dan keusahawanan serta kesenian dan aktiviti.

Antara penerima anugerah itu ialah bekas Dekan Fakulti Bahasa dan Sastera Universiti Malaya Datuk Nik Safiah Karim, Ketua Pengarah Planetarium Negara Datuk Dr Mazlan Othman, dan Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

Terdahulu di majlis itu, Tuanku Najihah yang mewakili Persatuan Murid-murid Tua MPM/KTK menyampaikan sumbangan cek bernilai RM200,000 kepada kolej itu dan RM7,000 kepada Yayasan Aids Malaysia.

Turut hadir ialah bekas-bekas pengetua dan bekas-bekas ketua murid kolej itu. -- BERNAMA

WNZ RI